


## DIGITAL LIBRARY SERVICES



### MyUniNet: Malaysian University Network


Conference of Academic Libraries & National Library of Malaysia (PERPUN) MyUniNet merupakan portal ahli Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN) yang terdiri dari Ketua Pustakawan Universiti Awam, 'Government Linked University' dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Portal ini mengandungi maklumat aktiviti dan perkhidmatan yang disediakan oleh ahli secara individu dan juga program/projek kerjasama.

URL: <http://perpun.upm.edu.my/>

### Malaysian Academic Library Catalog [ MALCat ]

MALCat merupakan katalog induk yang mempunyai maklumat katalog intitusi pengajian tinggi yang bernaung di bawah PERPUN, dibangunkan bagi membantu pengguna membuat PENCARIAN SETEMPAT koleksi dari semua perpustakaan. Sehingga kini terdapat lebih 5.7 juta rekod bahan yang telah diindeks di laman ini. Semua bahan dalam OPAC Universiti Awam dan 'Government Linked University' boleh dicari melalui MALCat dan memudahkan pengguna mengetahui kedudukan atau lokasi bahan yang dicari.

URL: <http://malcat.uum.edu.my/>



### Malaysian Theses Online [ MyTO ]

MyTO merupakan satu pangkalan data elektronik koleksi tesis dan disertasi universiti awam dan 'Government Linked University'. Sehingga kini terdapat 140,697 judul tesis dan disertasi yang diindeks di MyTO. Metadata maklumat pengarang dan penyelia tesis/disertasi disertakan bersama-sama dengan pautan kepada teks penuh ataupun sebahagian kandungan tesis/disertasi berkenaan. Pengguna boleh mengakses teks penuh tesis dan disertasi dari institusi terlibat melalui pautan yang disediakan sekiranya dibenarkan oleh institusi berkenaan.


URL: <http://myto.upm.edu.my/>



### Malaysian Academic Library Repositories [MALRep]

MALRep adalah perkhidmatan pencarian maklumat di Repositori Institusi Perpustakaan Akademik di Malaysia dengan menggunakan Open Archive Initiative Protocol for Metadata Harvesting Service (OAI-PMH). MALRep mengindeks hampir 570 ribu rekod metadata bahan digital. Pengguna juga boleh memuat turun artikel atau teks penuh bahan melalui MALRep atau melalui pautan portal institusi berkaitan.


URL : <http://malrep.uum.edu.my/>



# KONSORTIUM SUMBER ELEKTRONIK PENDIDIKAN TINGGI

| COOPERATION || COST EFFECTIVENESS || RESOURCE OPTIMIZATION |

## KERJASAMA STRATEGIK



- ❖ Pengurusan langganan secara berpusat sumber elektronik atas talian
- ❖ Platform bagi Universiti Awam untuk berkolaborasi antara satu sama lain;
- ❖ Menyedia ekosistem perkongsian sumber yang kondusif untuk komuniti pengajian tinggi;
- ❖ Mengoptimum akses kepada sumber elektronik bagi meningkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan;
- ❖ Menyedia prasarana bagi meluaskan akses kepada sumber elektronik;
- ❖ Mewujud, memperluas dan memperkasa rangkaian kerjasama di antara UA dengan konsortium-konsortium di dalam dan luar negara;



PERANTI  
+  
PELAN DATA  
+  
KANDUNGAN ILMU  
=  
PdP Atas Talian

*ANYWHERE*

*ANYTIME*

24 x 7



## REMOTE ACCESS TO LIBRARY RESOURCES





### Pembelajaran Secara Hibrid

- ❖ Pelajar hadir ke kelas atau dewan kuliah secara bersemuka.
- ❖ Sebahagian pelajar hadir ke kelas secara atas talian menggunakan aplikasi pembelajaran atas talian seperti Webex, Zoom, Google Meet, MS Team dan sebagainya.
- ❖ Pelajar yang menghadiri PdP secara jarak jauh menggunakan peranti dan pelan data masing-masing untuk menghadiri kelas pengajian.


### Platform E-Resources

- ❖ Pelajar akses pangkalan data maklumat melalui portal yang disediakan oleh perpustakaan masing-masing
- ❖ Pengesahan pengguna dilakukan dan kelayakan akses diberikan berdasarkan terma langganan dengan pihak pembekal maklumat yang dilanggan



### Pangkalan Data Maklumat Ilmiah

- ❖ Pangkalan data maklumat ilmiah dipaparkan kepada pengguna yang diberi kebenaran akses.
- ❖ Pelajar memilih pangkalan data berkaitan dengan keperluan carian maklumat yang dikehendaki. Carian dilakukan menggunakan antaramuka pembekal maklumat.



### Muat turun Dokumen atau Artikel Ilmiah

- ❖ Hasil carian ditunjukkan dan pengguna boleh memilih artikel yang diperlukan berdasarkan maklumat metadata yang ditunjukkan.
- ❖ Pengguna boleh memuat turun artikel teks penuh jika ada dan diberikan kebenaran
- ❖ Bagi bahan teks penuh yang tidak boleh dimuat turun, pengguna boleh memohon dari pihak perpustakaan masing-masing.

